

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungkait strategi pembelajaran dengan pencapaian dan motivasi pelajar di dalam kursus elektif. Strategi pembelajaran memainkan peranan penting dalam membina pendekatan tersendiri supaya pembelajaran menjadi lebih mudah, cepat, efektif dan boleh dipindahkan (*transferable*) kepada situasi yang baru. Skop kajian ialah pelajar-pelajar yang mengambil bahasa Jepun sebagai bahasa elektif wajib di Universiti Teknologi (UiTM) Shah Alam. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif di mana soal selidik merupakan instrumen bagi pengumpulan data. Sebanyak 300 soal selidik telah diedarkan kepada pelajar yang mengikuti kursus bahasa Jepun. Responden kajian adalah seramai 265 orang. Analisa data telah dibuat menggunakan perisian *SPSS*. Hubungkait strategi pembelajaran dengan pencapaian pelajar telah diuji. Dengan menggunakan korelasi *pearson r*, hubungkait yang lemah tetapi signifikan ($r=.376$) diantara strategi pembelajaran dengan pencapaian pelajar telah dikenalpasti. Strategi metakognitif merupakan strategi yang paling kerap digunakan. Walaubagaimanapun strategi pembelajaran dengan motivasi didapati mempunyai hubungkait yang agak kuat. Didapati juga motivasi instrumental mengatasi jenis motivasi integratif. Peningkatan kemahiran metakognitif patut digalakkan dikalangan pelajar bahasa Jepun bagi meningkatkan kualiti dan hasil pembelajaran yang baik. Pensyarah-pensyarah juga harus memikirkan tentang aktiviti kearah pembelajaran metakognitif di dalam dan juga di luar kelas.